

Usah takut guna pendekataa

31 MAY 2002

Oleh Wan Hazmir Bakar dan Abdul Halim Yusoff

Mesyuarat Agung Antarabangsa ke-35 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan dan masyarakat perniagaan tidak seharusnya terikat dengan mana-mana sistem atau ideologi jika ingin meneruskan pertumbuhan ekonomi dalam keadaan dunia sekarang yang serba mencabar dan tidak menentu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri berkata, kerajaan dan masyarakat perniagaan perlu berani mengambil pendekatan baru yang luar daripada kebiasaan bagi memulihkan semula keyakinan pelabur dan pengguna.

"Kita juga tidak seharusnya takut untuk mengakui kesalahan dan mencari cara baru atau kembali menggunakan cara lama yang terbukti berkesan sebelum ini.

"Dalam usaha kita untuk mencapai pertumbuhan dalam dunia yang serba mencabar hari ini, kita tidak seharusnya terikat dengan sebarang sistem dan ideologi sehingga kita terbelenggu dan tidak mampu melakukan yang betul.

"Kita mesti bebas melakukan yang terbaik untuk

mencapai apa matlamat. Kalau kita perlu berundur beberapa tapak untuk membolehkan kita menapak ke hadapan, maka kita perlu bersedia melakukannya.

"Jika kita sudah tersalah langkah dan hilang arah, kita perlu kembali ke pangkal jalan. Kita tidak seharusnya taksud dengan pemikiran pencipta teori dan ungkapan menarik mereka yang tidak pernah mengurangkan apa-apa melainkan menerbitkan buku," katanya dalam ucapan pada Mesyuarat Agung Antarabangsa ke-35 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) di sini, hari ini.

Hadir sama, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, Pemangku Presiden PBEC, Stephen Olson dan Pengerusi PBEC Malaysia, Tan Sri Azman Hashim.

PBEC adalah forum di mana ketua perniagaan menjalin hubungan perniagaan baru, bertukar pandangan dengan pegawai kera-

jaan serta memberi cadangan berhubung isu utama perniagaan.

Ia adalah persatuan ketua perniagaan antarabangsa yang mewakili lebih 1,000 syarikat besar utama di 20 negara Pasifik dengan jumlah jualan AS\$4 trilion (RM15.2 trilion) dan menggaji lebih 10 juta pekerja.

Dr Mahathir berkata, kerajaan dan masyarakat perniagaan sepatutnya mempunyai keyakinan penuh terhadap pendekatan dan keputusan mereka sendiri dalam menangani sesuatu permasalahan.

Beliau berkata, terdapat banyak cara untuk berurusan dengan kerajaan yang gagal, begitu juga dengan ahli perniagaan dan perniagaan yang gagal.

"Sistem tidak akan dapat menyelamatkan mereka tetapi dengan memahami realiti kehidupan dan merumus cara untuk menangani realiti ini tanpa dibelenggu dengan cara ortodoks, ia akan membantu dan adalah selamat," katanya.

Merujuk pengalaman Malaysia menangani krisis kewangan sebelum ini, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan memilih untuk menolak kaedah ortodoks dan mencari penyelesaian sendiri walaupun ia tidak popular dan dikritik banyak pihak.

Katanya, rahsia kejayaan Malaysia itu ialah kerana negara tidak takut untuk membuang pendekatan lama bagi memilih dan melaksanakan kaedah baru yang belum teruji dan radikal.

"Hari ini, hanya mereka yang buta enggan mengakui kami sudah pulih lebih baik dan lebih cepat berbanding mereka yang mengguna pakai kaedah yang belum disarankan," katanya.

Mengenai globalisasi, Perdana Menteri menegaskan Malaysia bukan menentang proses itu tetapi bimbang faedah yang bakal diperoleh tidak akan dikongsi dengan adil.

Dr Mahathir juga ber-

, baru: PM

kata, proses globalisasi tidak seharusnya dipaksakan oleh mana-mana pihak terhadap masyarakat dunia.

"Globalisasi tidak seharusnya untuk tujuan globalisasi semata-mata. Ia seha-

rusnya menjadi cara untuk kemakmuran manusia sejagat," katanya.

Perdana Menteri berkata, dunia sudah menyaksikan banyak ideologi dan sistem yang pada mulanya memberi harapan tinggi

akhirnya menghancurkan negara dan rakyat apabila ia menjadi matlamat, bukan cara untuk mencapai matlamat itu.

"Justeru, kita perlu mengelak daripada terjerumus dalam pemikiran lama

bahawa sistem atau ideologi saja boleh mengatasi masalah manusia sejagat.

"Jika kita terlalu mempercayai perkara sedemikian, kita akan lupa sebab mengapa sistem itu dirumus," katanya.